

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MAJLIS SAMBUTAN HARI Q JABATAN PERTANIAN  
Lokasi : AUDITORIUM JPA  
Tarikh : 14-12-1996

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur majlis kerana sudi menjemput saya di Majlis Sambutan Hari Q Jabatan Pertanian bagi tahun 1996. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pertanian di atas usaha menganjurkan sambutan Hari Q ini yang mana melambangkan keprihatinan Jabatan terhadap usaha-usaha peningkatan kualiti yang dijalankan dalam Perkhidmatan Awam selama ini. Semoga Majlis Hari Q ini dapat dihayati sepenuhnya oleh seluruh warga Jabatan Pertanian sebagai suatu kesempatan untuk mencurahkan rasa setia kepada organisasi di samping memperbaiki diri dan kemampuan kerja untuk mencapai tahap kecemerlangan Jabatan di masa depan. Kepada mereka yang menepati ukuran prestasi, amatlah penting anugerah yang diterima di majlis ini dijadikan sebagai faktor pendorong untuk meraih kejayaan yang lebih tinggi di kemudian hari, baik bagi diri maupun kepada organisasi. Saya percaya ciri-ciri produktif dan inovatif hanya dapat dilahir serta diterapkan sebagai suatu budaya kerja sekiranya setiap ahli menyedari akan kepentingan tugas dan tanggungjawabnya kepada organisasi.

2. Peranan Jabatan Pertanian dalam pembangunan dan perkembangan sektor pertanian negara ternyata begitu penting sekali. Oleh itu usaha harus dipertingkatkan agar Jabatan ini mampu terus menyediakan perkhidmatan yang berkualiti lagi berkesan kepada pelanggan-pelanggannya seperti petani-petani, pengusaha-pengusaha ladang dan sektor swasta dalam aspek-aspek teknologi tanaman, industri berasaskan pertanian, dan pertambahan produktiviti pertanian. Di samping itu, kemajuan dalam teknologi pertanian dan pemakanan memerlukan pengetahuan dan pendedahan kepada kaedah-kaedah penjagaan tanaman, iaitu dari peringkat pembajaan hinggalah ke peringkat pemuatan. Selain memajukan sektor pertanian melalui kajian dan penerokaan teknik-teknik baru, Jabatan Pertanian hendaklah membekalkan pegawai dan kakitangannya dengan berbagai jenis kepakaran melalui latihan amali dan kursus dalam bidang teknologi pertanian. Ini dianggap penting dalam usaha memperkembangkan lagi peranan dan perkhidmatan Jabatan ini termasuklah khidmat kaunseling kepada badan-badan pertanian dan koperasi petani agar mereka mampu mengamalkan kaedah pertanian secara moden. Ini adalah selaras dengan saranan pemimpin kita, iaitu YAB Perdana Menteri agar isu-isu struktur dan organisasi sektor pertanian ditangani untuk memandu sektor tersebut ke arah pembangunan dan pertumbuhan yang pesat.

3. Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan-pelanggan, Jabatan perlu sentiasa memberi perhatian kepada kekuatan jentera pelaksanaannya terutama yang berfungsi di peringkat negeri. Selain daripada sistem pentadbiran dan sistem pengurusan yang cekap, kemudahan untuk kakitangan juga harus diberi perhatian. Kebersihan dan keselesaan pejabat haruslah diberi keutamaan.

Dalam hal ini amalan pembersihan dan penyenggaraan di sekeliling pejabat perlu diberi perhatian kerana housekeeping yang baik merupakan langkah utama ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti yang berterusan.

4. Salah satu aspek pengurusan pejabat yang sering menghadapi masalah ialah pengurusan stor. Pembekalan peralatan yang terputus kepada kakitangan akan menjejaskan tugas kakitangan berkenaan. Dengan ini pengurusan stor harus dilaksanakan dengan bijak-bijaknya. Pegawai yang terbabit harus mengimbangi jumlah barangan yang disimpan didalam stor dengan permintaan oleh pelanggan dalaman. Walau bagaimanapun kawalan ke atas penyimpanan barangan di dalam stor harus dilakukan dengan bijak bagi mengelak penyimpanan barangan yang terlalu lama yang mana akibatnya ialah pembaziran wang Kerajaan sekiranya barangan tersebut didapati lapuk atau obsolete dan tidak boleh digunapakai lagi. Saya berpuas hati kerana Jabatan Pertanian memberi perhatian serius terhadap perkara ini dan telah memperkenalkan pertandingan pengurusan stor sebagai galakan bagi memperbaiki sistem pengurusan stor di Jabatan Pertanian.

5. Di antara strategi penting untuk membangunkan bidang pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ialah penglibatan yang aktif oleh sektor swasta khususnya dalam pengeluaran komoditi

makanan.

Penglibatan sektor swasta dijangka dapat meningkatkan produktiviti melalui pengurusan sumber- sumber secara lebih berkesan dan efisien. Di sini, agensi-agensi pertanian yang terlibat haruslah memikirkan strategi baru untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta melibatkan diri dalam bidang ini. Dialog dengan pihak swasta boleh diadakan dengan lebih kerap lagi bagi mengenalpasti keperluan-keperluan mereka serta mendapat idea-idea baru bagi memajukan sektor pertanian negara. Jabatan Pertanian haruslah bertindak secara pro aktif dan tidak mempunyai sikap menunggu sahaja bagi mendapatkan maklumbalas daripada pihak swasta. Apa yang penting adalah sokongan teknikal yang harus diberi kepada sektor swasta secara berterusan.

6. Sektor swasta memainkan peranan yang penting dalam perkembangan industri berasaskan pertanian di negara ini. Kejayaan sektor swasta untuk meningkatkan penghasilan produk mereka secara tidak langsung juga akan meningkatkan jumlah eksport negara ini. Penglibatan mereka di dalam pasaran antarabangsa akan sedikit sebanyak mengurangkan defisit negara ini. Pada tahun 1995, negara ini telah mengimport bahan-bahan makanan bernilai RM 7.9 bilion. Bil import yang tinggi ini adalah salah satu penyumbang utama kepada payment deficit negara ini. Oleh itu usaha perlu ditingkatkan untuk mengimbangi deficit ini melalui sistem pengeluaran yang efisien dan memperbanyakkan hasil-hasil pertanian nilai tambah untuk eksport.

7. Kemajuan-kemajuan dalam bidang teknologi maklumat perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengekalkan pertanian sebagai salah satu bidang yang penting dan dapat terus bersaing dengan sektor-sektor lain. Penggunaan teknologi maklumat meningkatkan kecekapan pengurusan harian dan ia harus digunakan dengan sebaik mungkin. Pewujudan satu sistem pengurusan data yang cekap misalnya akan dapat memudah dan mempercepatkan pemerosesan data.

Selain itu ia akan memudahkan pertukaran maklumat di antara cawangan, pejabat dan juga negeri.

8. Dalam era teknologi maklumat masa kini, maklumat boleh diperolehi dengan serta merta hanya dengan menekan butang. Oleh itu kita hendaklah sentiasa berikhtiar maju setapak ke hadapan untuk memikirkan cara bagaimana teknologi maklumat boleh digunakan sebaik mungkin. Pengenalan Home Page misalnya akan dapat membantu pelanggan-pelanggan memperoleh maklumat mengenai sesuatu Jabatan tidak kira dimana mereka berada. Saya turut berbangga kerana Jabatan ini telah mempunyai Home Page sendiri yang mana akan membantu pelanggan-pelanggan di dalam dan luar negeri untuk mendapatkan maklumat mengenai Jabatan Pertanian. Usaha seperti ini adalah penting kerana ia merapatkan hubungan di antara Jabatan dengan pelanggan-pelanggannya dan dengan itu membolehkan perkhidmatan diberi dengan lebih baik lagi.

9. Maklumat serta rekod-rekod yang disimpan secara kemas dan teratur adalah merupakan salah satu keperluan dalam pelaksanaan konsep MS ISO 9000.

Kerajaan telah menentukan matlamat bahawa dalam tahun 2000, jabatan-jabatan Kerajaan akan melaksanakan konsep ukuran kualiti ini sepenuhnya.

Pelaksanaan standard MS ISO 9000 di agensi-agensi Kerajaan akan dapat memastikan kecekapan perkhidmatan yang diberikan dan kualiti produk yang dihasilkan, di samping menyumbang ke arah pencapaian hasrat Kerajaan untuk menjadikan Perkhidmatan Awam negara ini bertaraf dunia.

10. Saya berpuas hati terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk memperkenalkan inovasi-inovasi penting yang berupaya menjimatkan kos operasi Jabatan serta meningkatkan lagi keberkesanan serta kecekapan tugas harian. Saya difahamkan bahawa sebanyak empat inovasi telah diperkenalkan dan dilaksanakan. Penciptaan alat- alat seperti penapis air daripada silinder gas untuk sistem pengairan mikro serta pengeringan daun tembakau dengan menggunakan liquified petroleum gas adalah satu usaha yang membanggakan. Pengenalan burung pungguk jelapang padi yang merupakan agen kawalan tikus sawah pula adalah satu usaha ke arah penjagaan persekitaran alam serta menjimatkan kerana dengan inovasi ini racun-racun tikus tidak perlu digunakan lagi. Saya

difahami juga bahawa satu mesin penggerudi telaga tiub telah diperkenalkan bagi mendapatkan bekalan air untuk sistem pengairan di ladang. Sistem ini didapati lebih berkesan dan cost-effective. Saya harap inovasi-inovasi yang telah diperkenalkan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua jabatan di peringkat negeri.

Penjimatan yang diperolehi sekiranya ia dilaksanakan secara menyeluruh sudah tentunya akan berlipat ganda lagi. Mungkin idea-idea baru ini juga boleh dikongsi bersama dengan agensi-agensi lain agar ia boleh dimanfaatkan kepada seluruh Perkhidmatan Awam.

Saya berharap supaya lebih banyak inovasi diperkenalkan di masa-masa akan datang dan rekod- rekod mengenainya disimpan dengan baik.

11. Usaha-usaha seperti ini sememangnya harus diberi pengiktirafan sebagai tanda penghargaan Kerajaan kepada anggota-anggotanya. Saya berharap agar daya kreativiti anggota-anggota jabatan ini sentiasa dipupuk dan budaya inovasi disebarkan lagi. Saya mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada mereka yang telah berjaya memberi sumbangan yang amat bererti kepada Jabatan ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua penerima Sijil Khidmat Cemerlang bagi tahun 1995, penerima-penerima Hadiah Pertandingan Landskap bagi tahun 1996 dan juga pemenang pertandingan pengurusan stor. Kejayaan mereka ini sebenarnya mencerminkan keupayaan Jabatan Pertanian dalam menanamkan sifat ingin berjuang di kalangan warganya untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.